KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **6 Disember 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/12/2024
M/SURAT: 14

# Jualan Rahmah akan diaktif di kawasan banjir

**Kemaman:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengaktifkan program jualan Rahmah Madani di lokasi terjejas banjir di seluruh negara, terutama di Kelantan dan Terengganu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata jualan Rahmah Madani akan diaktifkan di lokasi berkenaan bagi membantu rakyat mendapatkan barangan yang ditawarkan di antara 10 peratus dan 30 peratus lebih murah daripada pasaran.

"Walaupun jadual jualan Rahmah Madani sudah ditetapkan, kita akan aktifkan di lokasi terjejas banjir bagi membantu masyarakat yang terkesan mendapatkan barangan dengan harga lebih murah," katanya.

Terdahulu, Armizan menyantuni 83 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terkesan banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Jernih, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Armizan turut menyampaikan kotak makanan kepada semua calon yang terpaksa menduduki ujian lisan Bahasa Melayu di SMK Chenih Baharu, selepas laluan ke pusat pemeriksaan di SMK Air Jernih ditenggelami air.

Yang turut hadir adalah Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Pengurusan Sekolah), Rosli Chik dan Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

Dalam perkembangan lain, Armizan berkata, KPDN juga meluluskan penghantaran bekalan barangan keperluan harian daripada luar kawasan ke negeri yang terbabit banjir kepada 635 pemborong terpilih daerah (DDW).

Katanya, kelulusan itu bukan sahaja terhad kepada penghantaran bekalan barangan keperluan, malah perkhidmatan pengisian bahan api, termasuk diesel dan petrol melalui perkhidmatan pengisian bahan api mudah alih (ROVR).

"Pelan kontingensi ini diberikan bagi mengelak berlakunya gangguan bekalan barangan, sekali gus mengekang peningkatan harga yang keterlaluan disebabkan bekalan berkurangan," katanya.



*Armizan menyerahkan Bakul Rahmah kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terjejas akibat banjir pada lawatan kerja di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Puteh, Kemaman, semalam.* (Foto BERNAMA)

Armizan berkata, sebanyak 635 DDW dan 1,359 peruncit terpilih daerah (DDR) dilantik untuk menyimpan stok bekalan barangan sebanyak 30 peratus melebihi had simpanan ditetapkan.

Ketika mengulas pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendapatkan barangan bekalan untuk disumbangkan kepada mangsa banjir, Armizan berkata, KPDN menggalakkan pihak yang ingin menghulurkan bantuan mendapatkan bekalan daripada kawasan atau negeri yang tidak terjejas banjir.

"Kita mengalu-alukan NGO atau badan korporat menghulurkan sumbangan kepada mangsa banjir, tetapi bagi memastikan tidak berlaku gangguan bekalan di kawasan terkesan banjir, kita minta pihak berkenaan mendapatkan bekalan dari luar kawasan terjejas banjir," katanya.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/12/2024
M/SURAT: 35

# Harga subsidi 10 hingga 30 peratus di Jualan Rahmah Madani

**KEMAMAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidupmenawarkan harga subsidi 10 hingga 30 peratus barangan keperluan harian yang dijual pada Program Jualan Rahmah Madani di kawasan terjejas banjir di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, program itu bertujuan meringankan beban mangsa banjir khususnya di Terengganu dan Kelantan dan akan diteruskan mengikut jadual di kawasan yang surut banjir.

"Kita tahu mereka yang hadapi bencana ini terkesan dan mereka tanggung kerugian, sekurang-kurangnya Program Jualan Rahmah Madani dapat meringankan beban," katanya selepas menyantuni pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terkesan musibah banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Puteh, di sini, semalam.

Katanya, 1,369 Peruncit Terpilih Daerah dan 635 Pemborong Terpilih Daerah dibenarkan menambah had simpanan bekalan barangan keperluan harian 30 peratus.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SUARA KONTEMPORARI Kosmo!

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/12/2024
M/SURAT: 16

KPDN mahu pastikan barang keperluan lebih murah

# Jualan rahmah untuk mangsa musim bah

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KEMAMAN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperbanyakkan program Jualan Rahmah Madani (PJRM) bagi meringankan beban mangsa yang terjejas banjir di seluruh negara.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, tumpuan akan diberikan di kawasan yang baru pulih daripada banjir gelombang pertama baru-baru ini.

Beliau berkata, penganjuran PJRM tersebut tersebut bertujuan membantu mangsa banjir terkesan memperolehi barangan keperluan dan makanan pada harga lebih murah daripada pasaran.

"Kita tahu mereka yang menghadapi bencana (banjir) ini terkesan, menanggung kerugian.

"Sekurang-kurangnya PJRM dengan harga subsidi antara 10 hingga 30 peratus tersebut sedikit sebanyak meringankan beban mereka," katanya di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Puteh di sini semalam.

Terdahulu beliau menyampaikan sumbangan Bank Makanan kepada 83 calon Sijil Pelajaran Malaysia yang menghuni asrama sekolah terbabit.

Armizan berkata, pelan kontingensi penganjuran PJRM tersebut akan dilaksanakan dengan kerjasama pejabat cawangan KPDN dan jawatankuasa pengurusan bencana di kawasan terjejas banjir.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu sebanyak 1,369 peruncit terpilih daerah dan 160 pemborong terpilih daerah di seluruh negara bagi mengelakkan keputusan bekalan barangan keperluan sepanjang musim tengkujuh ini.

"Setiap unit akan dibenarkan untuk menyimpan bekalan stok tambahan sehingga kadar 30 peratus daripada had simpanan ditetapkan dalam lesen," ujarnya.



ARMIZAN (kiri) beramah mesra dengan sebahagian 83 calon SPM di SMK Ayer Puteh, Kemaman semalam.

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/12/2024
M/SURAT: 12

# KPDN tawar harga subsidi 10 hingga 30 peratus

**KEMAMAN** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menawarkan harga subsidi 10 hingga 30 peratus barangan keperluan harian menerusi Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) yang akan diadakan di kawasan terjejas banjir di seluruh negara, terutama Kelantan dan Terengganu.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, program itu bagi memastikan bekalan barangan mencukupi dapat diberikan kepada penduduk yang terkesan banjir bagi mendapatkan harga lebih murah daripada pasaran.

"KPDN cawangan kerjasama dengan jawatankuasa pengurusan bencana daerah (laksana PJRM). Walaupun sememangnya ada dalam jadual tetapi kita bersedia untuk tambah kerana tahu mereka yang hadapi bencana ini terkesan dan tanggung kerugian.

"Dengan adanya PJRM ini, sedikit sebanyak meringankan beban mereka dapatkan harga subsidi 10 hingga 30 peratus," katanya selepas melawat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Jernih, di sini pada Khamis.

Terdahulu, Armizan menyantuni 83 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terkesan akibat banjir di SMK Air Jernih.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, usaha tersebut bagi memastikan rakyat mendapat bantuan segera dalam menghadapi bencana ketika ini.

"Penduduk turut menerima sumbangan daripada NGO tertentu iaitu bantuan yang berbentuk spesifik dan ada barangan lain tidak diberikan.

"Jadi PJRM ini boleh memainkan peranan itu dengan memberi bekalan (selain barangan bantuan diterima) pada harga subsidi," ujarnya.

Beliau berkata, sebanyak 1,369 Peruncit Terpilih Daerah (DDR) dan 635 Pemborong Terpilih Daerah (DDW) di seluruh negara dibenarkan menambah had simpanan bekalan barangan keperluan harian sebanyak 30 peratus daripada had simpanan yang ditetapkan pada musim banjir ini.

Katanya, KPDN akan memastikan kesiapsiagaan penghantaran bekalan barangan keperluan dari luar kawasan dan negeri yang terlibat banjir.



**Armizan (dua dari kanan) menyantuni beberapa calon SPM ketika melawat dan makan tengah hari di SMK Air Jernih pada Khamis.**

## INFO BANJIR

**130** PPS buka

**7** Negeri

**33,677** MANGSA

**10,652** KELUARGA

**Kedah**
PPS Buka: 23
Daerah Terlibat: 3
Mangsa: 5,589
Keluarga: 1,761

**Pahang**
PPS Buka: 1
Daerah Terlibat: 1
Mangsa: 15
Keluarga: 5

**Johor**
PPS Buka: 17
Daerah Terlibat: 2
Mangsa: 966
Keluarga: 269

**Perak**
PPS Buka: 5
Daerah Terlibat: 2
Mangsa: 159
Keluarga: 56

**Melaka**
PPS Buka: 2
Daerah Terlibat: 1
Mangsa: 148
Keluarga: 37

**Kelantan**
PPS Buka: 57
Daerah Terlibat: 2
Mangsa: 24,416
Keluarga: 7,958

**Terengganu**
PPS Buka: 25
Daerah Terlibat: 3
Mangsa: 2,384
Keluarga: 566

*Setakat jam 7.30 malam

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/12/2024
M/SURAT: 6

# 'Register 5 Perak products as intellectual property'

**IPOH:** The Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) said at least five popular products in Perak have the potential to be registered as heritage intellectual property, protected under Geographical Indications (GI).

MyIPO chairman Dr Mohd Zuhan Mohd Zain said among the products are milk corn, Kuala Sepetang mangrove charcoal, Perak onions, Batu Kurau durian, Sungai Perak catfish and Teluk Intan giant river prawn.

"We are worried that if these products, which are synonymous with Perak, are not protected under GI, they will lose the rights to the names," he said.

If these products are registered under GI, they would become an attraction and would help increase the state government revenue, Mohd Zuhan said after officiating at the MyIPO satellite office at Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia on Wednesday.

Mohd Zuhan said the opening of the first MyIPO satellite office in Perak would make it easier for entrepreneurs, designers, innovators and professionals to protect their creations and product branding.

He said previously, intellectual property owners in Perak would go to the MyIPO branch office in Seberang Perai Tengah, Penang, which also caters for customers from Kedah and Perlis.

"The opening of this office will also continue to encourage more individuals and businesses to protect their innovations and work, thus contributing to the state's economic development."

He said MyIPO had received 53,456 intellectual property applications from January to October, compared with 50,570 applications during the same period last year.

Of the total, 34,479 applications were from foreigners, while 18,977 were from locals. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/12/2024
M/SURAT: 4

# Idrus Harun is new MyCC chairman

**PUTRAJAYA:** Tan Sri Idrus Harun has been appointed as the new chairman of the Malaysian Competition Commission (MyCC) for a three-year term, effective from Nov 25, 2024, to Nov 24, 2027.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the appointment was made to replace Datuk Seri Mohd Hishamudin Md Yunus, who was appointed chairman of the Human Rights Commission of Malaysia (Suhakam) effective July 3.

He said that the appointment was in accordance with Section 5(1)(a) of the Competition Commission Act 2010 [Act 713].

Armizan expressed confidence that Idrus' extensive experience and expertise would ensure the continuation of MyCC's efforts to strengthen its role as an agency under the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

"I also hope that he will implement the government's reform agenda through the amendment of the Competition Act 2010 [Act 712] to further strengthen MyCC's investigative and enforcement powers, including introducing a merger and acquisition regime to prevent the early formation of problematic cartels or monopolies," he said in a statement.

Idrus holds a Bachelor's Degree in Law from Universiti Malaya and has over 40 years of experience, having served in various key positions, including as attorney general.

Throughout his career, Idrus has served as a law officer, Court of Appeal judge, and Federal Court judge.

He was also appointed a member of the Judicial Appointments Commission on November 1.

Armizan also extended his heartfelt appreciation to the former MyCC chairman, Mohd Hishamudin, for his dedicated service and valuable contributions to the commission and the nation during his tenure. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 6 DISEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 6-Dec | Idris Harun dilantik Pengerusi MyCC baharu | https://www.sinarharian.com.my/article/700444/berita/nasional/idris-harun-dilantik-pengerusi-mycc-baharu | SINAR HARIAN |
| 6-Dec | Idrus Harun pengerusi baharu MyCC | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/04/idrus-harun-pengerusi-baharu-mycc/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 6-Dec | MyCC appoints former Attorney General Idrus Harun as new chairman | https://theedgemalaysia.com/node/736546 | THE EDGE MALAYSIA |
| 6-Dec | Idrus Harun dilantik Pengerusi MyCC | https://www.buletintv3.my/nasional/idrus-harun-dilantik-pengerusi-mycc/#google_vignette | BULETIN TV3 |
| 6-Dec | Idrus Harun dilantik Pengerusi MyCC baharu | https://www.kosmo.com.my/2024/12/04/idrus-harun-dilantik-pengerusi-mycc-baharu/#google_vignette | KOSMO |
| 6-Dec | Idrus Harun Pengerusi MyCC baharu | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/idrus-harun-pengerusi-mycc-baharu-499273 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Dec | Bekas Peguam Negara, Idrus Harun dilantik sebagai MyCC yang baharu | https://www.dagangnews.com/article/terkini/bekas-peguam-negara-idrus-harun-dilantik-sebagai-pengerusi-mycc-baharu-45599 | DAGANG NEWS |
| 6-Dec | Idrus Harun dilantik sebagai Pengerusi MyCC yang baharu | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/idrus-harun-dilantik-sebagai-pengerusi-mycc-yang-baharu/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 6-Dec | Bekas Peguam Negara dilantik Pengerusi MyCC yang baharu | https://malaysia-tribune.news/2024/12/04/bekas-peguam-negara-dilantik-pengerusi-mycc-yang-baharu/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 6-Dec | Former AG Idrus Harun appointed new MyCC chairman | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/04/former-ag-idrus-harun-appointed-new-mycc-chairman | THE STAR |
| 6-Dec | [UPDATED] Former A-G Idrus Harun is new MyCC chairman | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1143749/updated-former-g-idrus-harun-new-mycc-chairman | NEW STRAITS TIMES |
| 6-Dec | #NSTviral: KPDN officers lauded for reprimanding restaurant worker over pricing issues | https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2024/12/1143779/nstviral-kpdn-officers-lauded-reprimanding-restaurant-worker-over#google_vignette | NEW STRAITS TIMES |
| 6-Dec | Kesiapsiagaan KPDN Menghadapi Monsun Timur Laut Tahun 2024/2025 | https://siakapkeli.my/2024/12/05/kesiapsiagaan-kpdn-menghadapi-monsun-timur-laut-tahun-2024-2025 | SIAKAP KELI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Dec | KPDN to activate Jualan Rahmah Madani in flood-affected areas | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1144356/kpdn-activate-jualan-rahmah-madani-flood-affected-areas#google_vignette | NEW STRAITS TIMES |
| 6-Dec | KPDN ensures essential goods supply during northeast monsoon season | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1144394/kpdn-ensures-essential-goods-supply-during-northeast-monsoon-season#google_vignette | NEW STRAITS TIMES |
| 6-Dec | KPDN to organise more Rahmah Madani Sales Programmes in flood hit states | https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2371522 | BERNAMA |
| 6-Dec | KPDN tambah jumlah PJRM di negeri terkesan banjir | https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/05/kpdn-tambah-jumlah-pjrm-di-negeri-terkesan-banjir | UTUSAN BORNEO |
| 6-Dec | KPDN benarkan tambahan 30 peratus stok sepanjang Monsun Timur Laut | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-benarkan-tambahan-30-peratus-stok-sepanjang-monsun-timur-laut | BERITA RTM |
| 6-Dec | Jualan Rahmah akan diaktifkan di kawasan banjir - KPDN | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1333296/jualan-rahmah-akan-diaktifkan-di-kawasan-banjir-kpdn | BERITA HARIAN |
| 6-Dec | KPDN sedia tambah Jualan Rahmah MADANI di kawasan terjejas | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kpdn-sedia-tambah-jualan-rahmah-madani-di-kawasan-terjejas-x9aa0dq | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Dec | Banjir: Jualan Rahmah tawar harga subsidi 10 hingga 30 peratus | https://www.sinarharian.com.my/article/700641/berita/nasional/banjir-jualan-rahmah-tawar-harga-subsidi-10-hingga-30-peratus | SINAR HARIAN |
| 6-Dec | Harga subsidi 10 hingga 30 peratus di Jualan Rahmah Madani | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/harga-subsidi-10-hingga-30-peratus-di-jualan-rahmah-madani/#google_vignette | UTUSAN |
| 6-Dec | KPDN Pulau Pinang rampas gula, minyak masak dan tepung gandum bernilai RM80,500 | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-rampas-gula-minyak-masak-dan-tepung-gandum-bernilai-rm80500-499454?amp=1 | ASTRO AWANI |
| 6-Dec | KPDN Pulau Pinang rampas lebih 25,000 kg barang kawalan | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-pulau-pinang-rampas-lebih-25-000-kg-barang-kawalan | BERITA RTM |
| 6-Dec | Gudang sentiasa 'bercuti' dibongkar seleweng barang subsidi | https://www.buletintv3.my/nasional/gudang-sentiasa-bercuti-dibongkar-seleweng-barang-subsidi/#google_vignette | BULETIN TV 3 |
| 6-Dec | Gudang 'cuti' digempur KPDN P. Pinang | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/gudang-cuti-digempur-kpdn-p-pinang/#google_vignette | UTUSAN |
| 6-Dec | Banjir: Jualan Rahmah tawar harga subsidi 10 hingga 30 peratus | https://www.sinarharian.com.my/article/700641/berita/nasional/banjir-jualan-rahmah-tawar-harga-subsidi-10-hingga-30-peratus | SINAR HARIAN |